

WINCEMOL SYRUP 120MG/5ML

Paracetamol (120mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Wincemol Syrup 120mg/5ml
2. Bagaimana Wincemol Syrup 120mg/5ml berfungsi
3. Sebelum mengambil Wincemol Syrup 120mg/5ml
4. Cara mengambil Wincemol Syrup 120mg/5ml
5. Semasa mengambil Wincemol Syrup 120mg/5ml
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Wincemol Syrup 120mg/5ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Wincemol Syrup 120mg/5ml

Wincemol Syrup 120mg/5ml digunakan untuk melegakan demam dan kesakitan yang ringan hingga sederhana seperti sakit kepala dan sakit gigi.

Bagaimana Wincemol Syrup 120mg/5ml berfungsi

Wincemol Syrup 120mg/5ml yang mengandungi Paracetamol merupakan sejenis ubat yang termasuk dalam kategori analgesia dan antipiretik yang dijadikan ubat penahan sakit dan penurun panas.

Sebelum mengambil Wincemol Syrup 120mg/5ml

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Paracetamol, Bisulphites atau apa-apa bahan lain dalam produk ini.

- Sebelum mula mengambil

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada pesakita mengalami masalah hati atau buah pinggang atau mereka yang sedang mengambil ubat yang mempengaruhi hati.

- Jika mengambil ubat- ubatan lain

Wincemol Syrup 120mg / 5ml boleh mengganggu warfarin dan coumarin lain (ubat untuk mencairkan darah). Sentiasa beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain.

Cara mengambil Wincemol Syrup 120mg/5ml

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun:
Ambil 10 hingga 20ml.

Kanak-kanak 1 hingga 6 tahun:

Ambil 5 hingga 10ml.

Bayi 3 bulan hingga 1 tahun:

Ambil 2.5 hingga 5ml.

Jangan melebihi dos yang dicadangkan.

Tidak dicadangkan kepada bayi umur 1 tahun ke bawah.

- Bila perlu diambil

Untuk diambil 3 hingga 4 kali sehari.

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa beri Wincemol Syrup 120mg/5ml kepada anak anda, berikannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala termasuk pucat, loya, muntah, dan kekejangan perut atau sakit. Sekiranya terambil berlebihan, sila pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

Semasa mengambil Wincemol Syrup 120mg/5ml

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda / anak anda mengambil Sirap Wincemol.

- Rujuk doktor anda dengan segera:

1. Jika anak anda mengalami ruam atau reaksi alergi.
2. Jika sakit berterusan lebih daripada 5 hari untuk kanak-kanak atau semakin teruk.
3. Jika demam berlangsung selama lebih dari 3 hari atau berulang.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan Sampingan

Tanda alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius.

Jika tindak-balas ini berlaku, berhenti menggunakan dan dapatkan rawatan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam → Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan

Wincemol Syrup 120mg/5ml

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan sirap yang jernih, berwarna oren dan berperisa oren.

- Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Paracetamol 120mg

Bahan-bahan tidak aktif

Metil Hidroksibenzoat, Propil Hidroksibenzoat, Sodium Benzoat, Sodium Sakarin, Gula, Propilen Glikol, Larutan Sorbitol, Gliserin, Sodium Metabisulfit, Sunset Yellow, Jus Orange.

- Nombor MAL:

MAL19912816XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/6/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)220618/00180